

Curi meranti cari duit raya

5 lelaki ditahan bersama balak bernilai lebih RM8,000

>>Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

KUANTAN: Mencari wang untuk perbelanjaan keluarga menyambut Aidiladha minggu depan dijadikan alasan seorang lelaki berusia 20-an ditahan kerana cuba menjual lima batang kayu meranti tanpa permit bernilai lebih RM8,000 kepada sebuah kilang papan di Batu Enam Setengah, Lebuhraya Tun Razak, di sini, kelmarin.

Turut ditahan Unit Penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam operasi kira-kira 3 pagi kelmarin, empat lelaki dipercayai menjadi dalang aktiviti mengambil kayu balak secara haram di kawasan Hutan Simpan Chini, Pekan.

Lelaki itu mendakwa menerima upah antara RM1,000 hingga RM1,500 bergantung kepada berat kayu dan jarak perjalanan setiap kali melakukan aktiviti memindahkan kayu balak tanpa permit.

Pengarah JPNP, Datuk Mohd Paiz Kamaruzaman berkata, usaha sindiket berke-



TUMPAS...lori yang membawa muatan lima batang kayu meranti bernilai lebih RM8,000 ditahan ketika cuba menurunkan kayu di sebuah kilang papan.

naan menggunakan khidmat pemberi maklumat atau tonto tidak berhasil apabila mereka turut diberkas.

Menurutnya, pihaknya merampas lori empat tan, kenderaan pacuan empat roda dan jentera mengangkat balak.

Katanya, kejayaan itu hasil intipan anggota penguatkuasa sebelum menahan lima lelaki berkenaan yang

menurunkan kayu balak dari lori.

"Ini kejayaan kedua dalam tempoh tidak sampai sebulan oleh unit penguatkuasa menumpaskan aktiviti memindahkan kayu balak tanpa permit di daerah ini terutama membabitkan Hutan Simpan Chini," katanya.

Menurutnya, pihaknya mengambil tindakan tegas terhadap kilang papan yang

didapati membeli kayu balak tanpa permit, selain menyita peralatan digunakan manakala lesen digantung.

"Jabatan tidak bertolak ansur dengan mereka yang terbabit dengan aktiviti memindahkan kayu balak tanpa permit.

"Kami sudah menyenaraihitamkan nama beberapa individu yang sering terbabit dengan aktiviti itu," katanya.